

SETIAP IPT PERLU SEDIA PENGAJIAN YANG RELEVAN DENGAN MATLAMAT MEMBANGUNKAN MASYARAKAT



Bername Media – 15 hours ago

BESUT, 22 Jun (Bernama) -- Setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) perlu menyediakan pengajian ke arah ilmu, industri dan masyarakat dalam membantu kerajaan membangunkan masyarakat di masa depan.

Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh berkata IPTA dan IPTS perlu merealisasikan pengwujudan kegiatan industri dalam institusi mereka secara formal dengan memberi peluang kepada pihak industri mewujudkan pejabat mereka dalam IPTA mahupun IPTS.

Katanya selama ini banyak perjanjian perkongsian dilakukan antara pihak IPTA atau IPTS dengan pihak industri tetapi ia tidak mencapai matlamat kerana ia hanya wujud dalam perjanjian tetapi tidak dapat membantu pelajar dalam industri secara terus.

"Kita mahu supaya budaya sebegini diubah agar pihak industri dapat sama-sama membantu dalam membangunkan keilmuan pelajar secara terus dalam kampus agar ilmu yang mereka perolehi akan lebih bermakna," katanya kepada sidang media selepas melancarkan Program iCare dan penubuhan Pusat Transformasi Masyarakat UnisZA di UnisZA kampus Tembila di sini hari ini.

Menurut Idris penglibatan industri dalam IPTA atau IPTS boleh dilakukan dengan mewajibkan peruntukkan waktu belajar sebanyak 30 peratus kepada pihak industri yang mengendalikan pembelajaran pelajar sebelum mereka menamatkan pengajian.

-- LAGI

IDRIS-INDUSTRI 2 (AKHIR) BESUT

Mengenai peranan pusat pengajian tinggi dalam Program Perkongsian Pintar beliau memuji langkah beberapa buah universiti dalam negara yang mula mendedahkan hasil pengajian mereka untuk dimanfaatkan oleh masyarakat.

Katanya usaha Universiti Malaya memperkenalkan hasil kajiannya berkaitan dengan solat sains, UNIMEP yang memperkenalkan rekaan wau bermotor dan usaha Universiti Sains Malaysia (USM) yang memandu pelajar ke arah pemikiran aras tinggi melalui penubuhan Kelab Neurosainsnya patut dicontohi.

-- BERNAMA

ND AZM RS

06/22/2014 21-23ST

22/06/2014